

Kebebasan bersuara dalam konteks Islam yang diperlakukan sebagai hak asasi manusia yang dijamin oleh konstitusi dan perundangan negara. Kebebasan bersuara dalam konteks Islam ini berdasarkan pada prinsip-prinsip syar'iyyah. Dalam hal ini, kebebasan bersuara dianggap sebagai hak asasi manusia yang dijamin oleh konstitusi dan perundangan negara. Kebebasan bersuara dalam konteks Islam ini berdasarkan pada prinsip-prinsip syar'iyyah.

Kebebasan Bersuara Dari Perspektif Siasah Syar'iyah

Mohamad Zaidi Abdul Rahman

Abstract

This article attempts to evaluate the position of speech's freedom from the perspective of Siyāsah Syar'iyah. It is observed that this right falls under the obligatory category particularly in order to achieve the purpose of the establishment of Islamic state based on the Quran and the Sunnah.

1. Pengenalan

Sistem politik Islam mempunyai suatu ciri unik ke arah pembinaan konsep kerajaan terpimpin iaitu gabungan kedaulatan milik Allah serta peranan manusia sebagai khalifah. Gabungan ini menurut al-Mawdūdi¹ boleh dinamakan sebagai sistem *theo-demokrasi*. Sistem ini dari satu sudut mengikat manusia untuk mengatur tindakan yang tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip yang terkandung di dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Dari sudut yang lain pula, manusia diberikan kuasa kedaulatan yang terbatas di bawah panduan wahyu. Lantaran itu, pihak berkuasa perlu membawa teraju pemerintahan negara mengikut acuan tersebut. Namun demikian, setiap rakyat diberi kebebasan tertentu dalam batas-batas yang ditetapkan.

Sejajar dengan itu, di dalam sistem politik Islam ia tidak menafikan peranan manusia kerana kebanyakan undang-undang tersebut hanya menggariskan prinsip-

prinsip umum sahaja. Justeru, manusia perlu berganding bahu untuk merealisasikannya melalui mekanisme seperti syura. Untuk memantapkan lagi mekanisme tersebut, maka Islam memberi ruang kebebasan kepada manusia agar mereka dapat membuat pilihan dan meluahkan pendapat. Oleh itu, boleh digarisbawahi kebebasan merupakan salah satu prinsip dalam politik Islam yang memberi peluang kepada manusia memikirkan soal kebaikan dan keadilan selaras dengan kehendak Ilahi. Bagi penulisan ini, penumpuan akan diberikan kepada kebebasan bersuara dari aspek hukum.

2. Skop Kebebasan

Kebebasan bersuara mempunyai ruang perbahasan yang luas mencakupi semua aspek dalam kehidupan. Bagi kajian ini, aspek hubungan rakyat dengan kerajaan ditekankan bagi meninjau kebebasan mereka untuk menyuarakan hasrat politik masing-masing. Kebebasan ini menurut Muṣṭafā al-Sibā‘ī² mengandungi hak-hak seperti:

- i. Kebebasan untuk memilih tumpuk pemerintahan.
- ii. Bebas menyatakan pandangan atau pertimbangan kepada pemimpin selaras dengan asas syura.
- iii. Bebas mengkritik kerajaan dalam lingkungan adab-adab Islam serta untuk kemaslahatan umum bagi memastikan kelancaran.
- iv. Bebas untuk mengadu kepada pihak bertanggungjawab sekiranya terdapat ketidakadilan yang berlaku ke atas dirinya.
- v. Bebas untuk tidak mematuhi arahan yang bertentangan dengan peraturan dan perundangan.
- vi. Ruang kebebasan untuk khalifah bagi mentadbir urusan negara.

Dari hak-hak di atas, dapat dirumuskan bahawa kebebasan politik membabitkan interaksi antara warganegara dan pemerintah. Hubungan intim kedua-dua belah pihak ini melahirkan suatu bentuk persefahaman antara pemerintah dan yang diperintah (rakyat). Ini akan membentuk kerajaan rakyat. Oleh sebab itu, rakyat wajar mempunyai beberapa hak kebebasan termasuklah untuk menyuarakan pendapat, memilih tumpuk kepimpinan atau menyatakan ketidakadilan. Perbincangan selanjutnya akan menyentuh aspek ini sebagai landasan perbincangan.

3. Asas-asas Pensyariatan Kebebasan Bersuara

Manusia secara fitrahnya mempunyai kebebasan untuk memilih, menyatakan pendapat dan bebas melakukan sesuatu berdasarkan pilihan dan pendapatnya. Untuk

menghasilkan kesan positif, Islam menganjurkan supaya manusia melakukan kajian bebas terhadap alam serta peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya. Anjuran ini menghasilkan budaya berfikir melalui pemikiran yang waras dan aliran yang lurus untuk mencari kebenaran bagi mendedahkan hasil kesimpulan akal.³ Oleh itu, kebebasan perlu dijadikan sebagai hak umum manusia kerana ia boleh memajukan potensi manusia.

Menurut el-Awa⁴ kebebasan tersebut merupakan akar kepada kebebasan itu sendiri. Lantaran itu, Islam memperakui serta menjaminnya sebagai hak asas kepada setiap manusia. Tambahan pula, kebebasan merupakan kehendak fitrah manusia sendiri. Di samping itu, al-Qur'an menggesa manusia untuk memikirkan tujuan hidupnya serta hakikat penciptaan semua makhluk.⁵

Lanjutan dari itu, Syariat meletakkan kebebasan bersuara bagi mencapai tujuan umum iaitu membebaskan fikiran manusia dari segala bentuk belenggu taqlid dan khurafat, membimbing fikiran manusia ke arah pilihan dan pandangan yang terbaik serta kebebasan berfikir di bidang keilmuan.⁶ Bahkan keimanan seseorang itu tidak sempurna menurut timbalan agama kecuali berdasarkan kebebasan berfikir dengan merenung secara objektif serta lepas dari pengaruh warisan tradisi atau pengaruh luaran hingga menimbulkan keyakinan.⁷ Justeru, prinsip kebebasan amat penting untuk diberi perlindungan serta jaminan sebagai asas membina kehidupan secara fitrah serta mengembangkan potensi manusia.

Selaras dengan itu, prinsip kebebasan berfikir ditempatkan atas kedudukan yang tinggi dari perspektif Syariat. Kedudukannya berada di tahap mesti atau penting (*darūrah*) kerana tuntutannya bersifat keras. Kewujudannya dapat dikesan melalui surah pertama diturunkan (al-'Alaq 96: 9-12), iaitu melalui makna tersirat di sebalik sikap penentangan golongan kafir terhadap ajaran Islam.⁸

Kedudukan hak kebebasan bersuara khususnya di bidang politik juga mempunyai sandaran kukuh dari al-Qur'an dan al-Hadīth. Namun, kebebasan ini tidak dinyatakan secara jelas dari dua sumber tersebut. Walaupun begitu, ia tidak menafikan kewujudannya. Bahkan berdasarkan amalan di kalangan Khulafa' al-Rasyidin, ia mendapat jaminan dan pemeliharaan yang baik.

Sejajar dengan itu, al-Muḥāmi⁹ merumuskan hukum kebebasan bersuara di dalam Islam didukung melalui asas-asas syura, nasihat, ketataan kepada pemerintah, dasar kerajaan menyediakan keamanan dari ketakutan dan kebuluran, amar ma'ruf nahi munkar dan semangat jihad menentang kezaliman. Mohamad Hashim Kamali¹⁰ pula meletakkan asas-asas kebebasan bersuara melalui *hisbah*,¹¹ nasihat,¹² syura, ijtihad dan hak untuk mengkritik pemimpin. Untuk penulisan ini, perbincangan akan menyentuh tiga asas kepada sandaran hukum kebebasan bersuara iaitu; syura,

prinsip ketaatan dan amar makruf nahi munkar.

3.1 Syura: Kaitannya Dengan Kebebasan Bersuara

Kedudukan sistem politik dalam sesebuah negara mempunyai pengaruh besar ke atas dasar kerajaan. Pemimpin sebagai peneraju utama negara mempunyai tanggungjawab besar bagi mencorak hala tuju negara. Tanggungjawab ini perlu dipastikan mampu berjalan dengan baik supaya negara tidak menghadapi banyak masalah. Islam menawarkan "Syura" sebagai salah satu mekanisme untuk mengurangkan bebanan yang dipikul oleh pemimpin.

Sehubungan dengan itu, pemimpin wajar menggunakan mekanisme ini terutamanya bagi menyelesaikan persoalan umum dalam negara. Untuk memikirkan persoalan umum yang membabitkan pelbagai pihak, adalah tidak wajar hanya diputuskan oleh beberapa orang individu sahaja. Sebaliknya, peluang harus diberi kepada ahli yang mempunyai kemampuan bagi menyelesaikan masalah tersebut. Pembabitan mereka boleh mengurangkan tahap kesalahan dalam memutuskan sesuatu perkara. Ini kerana pandangan mereka dianggap boleh mewakili dari sudut perspektif yang berbeza. Lantaran itu, ia boleh mengurangkan kecenderungan memutuskan keputusan bagi kepentingan pengaruh peribadi.¹³

Perintah melakukan syura disyariatkan melalui sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah. Dalam al-Qur'an, Allah berfirman (Al-'Imrān 3: 159):

Maksudnya: "*Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaualah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.*"

Ayat di atas memberi petunjuk yang jelas pensyariatan syura ditujukan kepada semua manusia termasuk Rasulullah s.'a.w. Ini diperkuuhkan lagi melalui latar belakang penurunan ayat yang menyangkuti perbezaan pendapat. Perkara ini timbul dalam usaha menyusun strategi menghadapi musuh di dalam peperangan Uhud. Baginda mempamerkan sikap lemah lembut dan berlapang dada dengan mengikut pendapat sahabat meskipun bertentangan dengan cadangan yang dikemukakannya.

Bahkan Allah mengarahkan Baginda memohon ampun bagi pihak para Sahabat dan meneruskan kesinambungan budaya syura. Ibn Kathir¹⁴ menyatakan dengan sikap Rasulullah s.'a.w demikian memberi kesan positif kepada jiwa Sahabat. Mereka lebih ghairah untuk melaksanakan keputusan-keputusan mesyuarat. Lantaran itu, syura telah menjadi budaya kerja masyarakat awal Islam di bawah bimbingan Baginda.

Ibn Taimiyyah¹⁵ menyarankan kepada pemerintah agar tidak mengabaikan amalan ini walaupun ayat di atas merujuk khusus Rasulullah s.'a.w sendiri. Hal ini diperkuat lagi dengan pelaksanaannya secara berterusan dengan para sahabatnya. Justeru, syura menjadi mekanisme penting untuk mengendalikan urusan-urusan yang tidak menyangkut ketetapan wahyu.

Dalam surah al-Syūrā 42: 38, Allah berfirman:

Maksudnya: “*Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.*”

Ayat di atas lahir dalam bentuk pujian terhadap usaha masyarakat Anṣār menanam budaya syura ketika menanggapi urusan mereka.¹⁶ Bahkan gandingan perintah syura dengan perintah mendirikan solat serta mengeluarkan sedekah menjadikan status hukum kewajipannya sama. Lebih menarik lagi perintah ini diabadikan di Makkah ke atas masyarakat Islam sebelum negara Islam ditegakkan di Madinah.¹⁷ Syed Qutb¹⁸ menambah bahawa ciri ini penting diterapkan untuk kelompok Islam walaupun belum berjaya mencapai taraf negara Islam. Oleh itu, ia merupakan aset penting yang perlu dipupuk dalam kehidupan muslim serta lebih-lebih lagi perlu dianjurkan dalam proses pemerintahan.

Selaras dengan itu, al-Qurtubī¹⁹ menyarankan pemerintah perlu menganjurkan syura dengan pihak-pihak yang berkemampuan untuk mengatasi permasalahan berkaitan kehidupan dan keagamaan. Bahkan syura merupakan dasar dan identiti pemerintahan Islam yang menjadi tanggungjawab pemerintah mengekalkannya. Al-Qurtubī menukilkan pendapat tegas daripada Ibn ‘Atīyyah yang menyatakan syura merupakan salah satu kaedah Syariat dan prinsip asasi yang mesti dilaksanakan. Bagi mereka yang tidak mengamalkan syura dengan sarjana dan ulama, tindakan pemecatan boleh dilakukan ke atas mereka kerana perkara ini mencapai taraf persetujuan semua ulama (*ijmā’*).

Dalam bentuk praktikal, Syura di zaman Rasulullah s.'a.w memperlihatkan ia

merangkumi bentuk Syura Positif (شوری ايجاب) , Syura Negatif (شوری سلبية) dan Syura Pertengahan (شوری بين بين)²⁰

- i) Syura Positif melalui permintaan Rasulullah kepada para Sahabatnya untuk menyelesaikan sesuatu isu penting.²¹
- ii) Syura Negatif pula melalui cadangan yang dikemukakan sendiri oleh para Sahabat kepada Rasulullah dan Baginda merestuinya. Contohnya Baginda menyetujui cadangan al-Hubāb ibn al-Mundhir berkhemah berhampiran dengan sumber air pihak musuh di dalam peperangan Badr.
- iii) Syura di antara kedua-duanya iaitu keadaan Baginda yang bertekad untuk melakukan sesuatu dengan memulainya hingga di pertengahan dan menilainya semula melalui Syura.²²

Dilihat dari aspek ini, nyatalah bahawa pada zaman Rasulullah s.'a.w syura direalisasikan dengan jayanya dalam masyarakat Islam. Sikap terbuka Baginda menyuburkan lagi tradisi ini kerana setiap pandangan yang bernalas mendapat perhatian berat daripadanya. Tambahan pula, dalam keadaan tertentu, Baginda mengambil inisiatif dengan meminta pandangan daripada sahabat. Tindakan serta sikap tersebut mencipta ruang kebebasan bersuara kerana masyarakat bebas dari ancaman dan ketakutan akibat mengutarakan pendapat mereka. Perkara ini menjadi pemangkin ke arah pemupukan budaya syura di kalangan para sahabat.

Seperkara lagi, budaya ini turut menjadi subur kerana skop syura itu tidak dibataskan kepada soal ketenteraan²³ sahaja, bahkan meliputi juga cara pelaksanaan agama, pentadbiran dan perkara-perkara sosial.²⁴ Ini membuka peluang kepada para sahabat menabur bakti membangunkan negara Islam di Madinah. Sumbangan besar ini memberi kekuatan kepada negara menghadapi kegawatan yang ditimbulkan oleh musuh-musuh Islam. Oleh demikian, peranan syura cukup besar ertiinya dalam meneruskan kesinambungan dakwah Islam dari satu generasi ke satu generasi.

3.2 Ketaatan Kepada Pemimpin dan Kaitannya Dengan Kebebasan Bersuara

Pemimpin negara mempunyai tanggungjawab yang besar untuk mentadbir urusan agama di samping mengurus hal ehwal keduniaan. Ini kerana jawatan tersebut dianggap sebagai lambang ‘pengganti nabi’ bagi meneruskan kesinambungan hidup berasaskan nilai agama.²⁵ Untuk mencapainya landasan Syarak diterjemahkan bagi memperolehi kemaslahatan dari segi keduniaan mahupun keakhiran. Kejayaan misi ini turut memerlukan suatu bentuk jalinan usaha antara pemerintah dan rakyat. Hasil kerjasama kedua-dua pihak akan memudahkan lagi proses mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang menepati kehendak Syarak.

Untuk mendapatkan kerjasama ini, Syarak memperkenalkan konsep tanggungjawab dan hak antara rakyat dan pemerintah. Pemerintah bertanggung-jawab untuk menjaga hak-hak rakyat.²⁶ Bagi rakyat, mereka dituntut untuk memberi ketaatan dan membantu pemerintah.²⁷ Ketaatan ini adalah manifestasi dari aku janji (*bai'ah*) rakyat ketika menabalkan pemerintah.

Proses di atas mempunyai sandaran yang kukuh dari al-Qur'an, al-Sunnah mahupun amalan Khulafa' al-Rasyidin. Allah berfirman (al-Nisā' 4: 59):

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “Ulil Amri” (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (al-Qur'an) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.*”

Al-Qurtubi²⁸ meletakkan manusia perlu mentaati Allah, Rasul dan ulil amri mengikut susunan keutamaannya. Beliau menjelaskan ketaatan kepada ulil amri mempunyai hubungan rapat dengan perkara yang ia berhak untuk ditaati, tetapi dalam keadaan terdapat pelanggaran hukum Syarak, maka ia tidak perlu ditaati, dibantu atau dimuliakan. Oleh demikian, ulul amri berkewajipan untuk merencanakan agenda yang mempunyai kemungkinan dan kebaikan kepada rakyat berasaskan ajaran Islam. Rakyat pula dikehendaki untuk mematuhi perintah pimpinan. Proses ini merupakan suatu bentuk kontrak sosial²⁹ di antara orang Islam (rakyat) dan pimpinan. Di satu pihak perlu mentaati kepimpinan dalam melaksanakan kebaikan, kebenaran dan kebijakan. Di pihak yang lain pula tidak boleh merencanakan urusan negara yang bertentangan dengan asas di atas.³⁰

Dr. Muhammad al-Bahi³¹ menyatakan petunjuk dari nas tersebut secara tidak langsung mendedahkan keperluan kebebasan bersuara dalam kehidupan manusia. Ini kerana perbezaan pendapat melahirkan perbezaan pandangan terhadap sesuatu perkara. Justeru, perbezaan ini perlu ditangani dengan bijaksana tanpa sikap fanatik dengan pandangan sendiri. Sebaliknya neraca al-Qur'an dan al-Hadith dipegang sebagai sumber peradilan.

Lanjutan dari itu, prinsip ketaatan mengandungi petunjuk yang mengarahkan rakyat supaya prihatin terhadap pelaksanaan dasar kerajaan. Pengawasan ini bertujuan bagi memastikan negara diurus mengikut piawaian Syariat sepenuhnya. Tuntutan ini membuka ruang untuk rakyat menyuarakan pandangan bagi membantu atau membetulkan kepincangan dalam pentadbiran negara. Ini kerana pemegang

amanah kepimpinan itu juga merupakan seorang manusia. Atas sifat tersebut tidak dinafikan wujud kemungkinan berlaku tindakannya yang tidak selaras dengan Syariat tidak dinafikan wujud.³²

Dr. Fathi ‘Abd al-Karim³³ menyatakan bahawa hak tersebut berlandaskan kepada tiga bukti iaitu:

- i. Ummah menjadi sumber pemerintah mendapatkan kekuasaan politiknya dengan mengambil kira pemerintah sebagai wakilnya. Oleh itu, ummah berperanan untuk mengawasi tindakan pemerintah.
- ii. Prinsip amar makruf nahi munkar memerlukan ummah mengawasi pemerintah agar dasarnya tidak bercanggah dengan ajaran Islam.
- iii. Hak ini telah diiktiraf oleh kebanyakan ulama dengan mengambil kira perjalanan pemerintahan zaman Sahabat.

Selaras dengan itu, prinsip ketataan dilihat dari sudut kemampuan ketua negara melaksanakan syariat di dalam negaranya. Jika mereka mampu menunaikan amanah serta menjaga hak-hak warganegara, maka rakyat perlu mengikutinya bahkan memberi sokongan yang kuat.³⁴ Keadaan menjadi sebaliknya jika ketua negara melanggar batasan. Ketika ini rakyat mempunyai hak untuk tidak mentaatinya bahkan harus mengguling atau menggantikannya dengan orang yang lebih layak dan lebih baik.³⁵

Tindakan ini mempunyai asas yang kuat melalui petunjuk daripada Rasulullah s.‘a.w. Sabdanya:³⁶

Maksudnya: “*Diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar r.‘a katanya: Nabi s.‘a.w telah bersabda: Wajib ke atas setiap orang muslim mendengar serta taat kepada arahan sama ada dia suka atau tidak kecuali dia diperintahkan supaya melakukan maksiat. Sekiranya dia diperintahkan supaya melakukan maksiat maka janganlah dia dengar dan mentaatinya.*”

Dalam suatu hadith lain Baginda bersabda:³⁷

Maksudnya: “*Diriwayatkan daripada Abū Hurayrah r.‘a katanya: Nabi s.‘a.w telah bersabda: Sesiapa yang mentaati aku maka dia telah mentaati Allah dan sesiapa yang derhaka kepada aku maka sesungguhnya dia telah derhaka kepada Allah. Sesiapa yang mentaati pemerintah maka dia telah mentaati aku dan sesiapa yang menderhakai pemerintah maka dia telah menderhakai aku.*”

Hadith ini membayangkan hak dan tanggungjawab rakyat untuk mengawasi kegiatan kerajaan dan mengkritik dasar pentadbiran serta perundangan sekiranya

rakyat mengandaikan terdapat antara dasarnya yang melanggar batasan Syarak. Jika dasar yang dilaksanakan itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam, maka tanggungjawab rakyat pula untuk mendukungnya. Jadi, timbal balik hak dan tanggungjawab ini akan menjadi lebih berkesan andainya kedua-dua pihak memainkan peranan bagi memastikan landasan yang dilalui mengikut ketetapan Syarak.

Sehubungan dengan itu, prinsip ketaatan kepada pemimpin tidaklah bersifat mutlak. Bahkan rakyat diarah untuk menilai kata-kata arahan yang keluar daripada pemimpin. Dalam hal ini, rakyat dikehendaki berfikir dengan bijak untuk menilai dan mempertimbangkan arahan tersebut. Ini bagi memastikan tidak berlaku *ultra vires* dengan dasar Islam yang jelas. Perkara inilah yang digambarkan oleh Rasullah s.‘a.w dalam sabdanya:³⁸

Maksudnya: “*Diriwayatkan daripada Sayyidina ‘Ali r. ‘a katanya: Bahawa Rasulullah s.‘a.w telah mengutus satu pasukan tentera dan Baginda telah melantik seorang lelaki sebagai pemimpin tentera itu. Lelaki tersebut telah menghidupkan api dan berkata: Kamu semua masuk ke dalam api itu. Maka sebahagian dari tentera ingin memasuki ke dalam api tersebut dan sebahagian dari tentera yang lain berkata: Kami telah melaikan diri daripadanya. Perkara itu dilaporkan kepada Rasulullah s.‘a.w, lalu Baginda bersabda kepada orang-orang yang ingin memasuki api tersebut: Sekiranya kamu memasukinya nescaya kamu akan terus berada di dalamnya sehingga Hari Kiamat dan Nabi berkata kepada pihak satu lagi dengan kata-kata yang baik serta bersabda: Jangan mentaati perintah untuk melakukan maksiat kepada Allah tetapi taatilah dalam perkara kebaikan.”*

Selaras dengan dasar ketaatan ini juga, orang Islam tidak digalakkan mentaati pemimpin secara membuta tuli. Mereka berhak untuk mengemukakan pandangan andainya merasakan sesuatu tindakan atau arahan pemimpin itu kurang tepat. Sesuatu arahan boleh dimesyuaratkan kembali supaya keputusan yang bernaun dapat dicapai.

Hal ini bukanlah suatu perkara asing dalam tradisi Islam. Sayyidina ‘Umar pernah mengeluarkan pandangannya terhadap arahan Rasulullah supaya beliau dihantar sebagai wakil orang Islam menemui musyrikin Mekah. Beliau ditugaskan membawa misi untuk meminta kebenaran kepada musyrikin Mekah untuk menziarahi Ka‘bah. Beliau berkata;

Maksudnya: “*Ya Rasulullah, aku takut orang Quraisy di Mekah kerana tidak ada lagi seorang pun daripada kalangan Bani ‘Adi b. Ka‘b yang*

dapat melindungi aku di sana. Sedang orang Quraisy telah mengetahui sikapku memusuhi terhadap mereka. Namun demikian, aku menunjukkan seorang yang lebih baik daripada aku iaitu ‘Uthmān bin ‘Affān.’

Cadangan Sayyidina ‘Umar diterima, lalu Sayyidina ‘Uthmān³⁹ dihantar untuk merundingkan perkara tersebut.⁴⁰ Ini menunjukkan prinsip ketaatan tidak sesekali menghalang kebebasan rakyat untuk menyuarakan pandangan mereka. Bahkan kebebasan ini mampu untuk membuka ruang kepada negara bagi mencapai prestasi yang lebih cemerlang.

Lebih dari itu, Sayyidina ‘Umar juga pernah melahirkan rasa tidak puashati beliau ke atas butir perjanjian damai *Hudaybiyyah*. Ini kerana beliau berpendapat butiran tersebut berat sebelah.⁴¹ Lalu beliau tampil bersemuka dengan Rasulullah s.‘a.w untuk menyatakan pandangannya. Perkara ini diselesaikan dengan baik oleh Baginda walaupun ia seolah-olah mencabar kewibawaan Baginda sebagai Rasul dan ketua negara.⁴²

3. 3 Amar Makruf Nahi Munkar: Hubungannya Dengan Kebebasan Bersuara

Amar Makruf Nahi Munkar (selepas ini ditulis AMNM) mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam agama Islam, bahkan dianggap sebagai fungsi utusan semua nabi-nabi. Pengabaiannya memberi kesan kepada timbulnya kepincangan di dalam agama serta tersebarnya penyelewengan dan kejahilan.⁴³ Al-Syawkānī⁴⁴ menyokong kenyataan tersebut kerana perintah ini diperkuatkan melalui sandaran jelas dari al-Qur'an dan al-Hadith. Justeru, perintah ini termasuk dalam dasar utama Syariat Islam.

Di dalam al-Qur'an sahaja perkataan makruf disebut sebanyak 28 kali manakala perkataan munkar pula sejumlah 16 kali dalam pelbagai surah.⁴⁵ Al-Qur'an membentangkan AMNM dengan menyentuh beberapa aspek seperti keperluan merealisasikannya, janji pertolongan dari Allah, untuk membezakan sikap antara mukmin dan munafik, melahirkan generasi (ummah) yang berkualiti dan kesan meninggalkannya menjadi punca kemurkaan Allah.⁴⁶ Allah berfirman dalam surah Al-'Imrān 3: 104:

Maksudnya: “*Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*”

Al-Jassās⁴⁷ dan al-Qurtubī⁴⁸ menyatakan ayat ini memberi kesan hukum kewajipan untuk melaksanakan tugas AMNM dalam masyarakat. Peranan ini mesti dimainkan sekurang-kurangnya oleh sebahagian daripada anggota masyarakat. Ini kerana hakikat suruhan ini merujuk kepada sebahagian melalui penggunaan huruf “min” (من). Ibn Kathīr⁴⁹ juga berpendapat demikian. Beliau menyatakan umat terdahulu menjadi rosak kerana tidak menyebarkan kebaikan dengan memastikan masyarakat menjalani kehidupan berpandukan wahyu Ilahi.

Al-Ghazālī⁵⁰ menyarankan supaya pelaksanaannya dibuat secara kolektif kerana ia mengandungi sumber kejayaan bagi umat Islam. Bahkan gandingan orang Islam baik lelaki maupun wanita boleh menguatkan usaha ini. Dengan cara ini mereka dapat mencapai perpaduan dan kesatuan untuk memastikan tertegaknya ajaran Islam. Allah berfirman di dalam surah al-Tawbah 9:71:

Maksudnya: “*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengah yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanatan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah, sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*”

Untuk menunjukkan bahawa kepentingan perintah ini, Allah telah berfirman di dalam surah al-Hajj 22: 41:

Maksudnya: “*Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanatan dan perkara yang munkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.*”

Ayat di atas menegaskan bahawa orang beriman yang diberi peluang berkuasa perlu menyusun agenda termasuk usaha amar makruf nahi munkar. Ini kerana ia merupakan suatu syarat yang perlu dilaksanakan khususnya bagi mereka yang mempunyai kekuasaan.⁵¹ Namun tugas ini perlu dilakukan mengikut keupayaan, kuasa dan sumber yang ada pada diri masing-masing demi memastikan ketulinan ajaran Islam terjamin. Keberkesanannya ini lebih besar peluangnya melalui usaha organisasi dari individu kerana kuasa, tenaga dan kekuatan dapat digembeling dengan baik.

Dalam proses melaksanakan arahan ini al-Ghazālī⁵² meletakkan peranan lidah di tahap utama diakhiri dengan kekuatan tangan. Kategori keutamaan menurut beliau dimulakan dengan memberitahu pelaku munkar kedudukan perbuatan

tersebut menurut Islam secara lemah lembut. Kemudian diikuti pula dengan memberi peringatan secara baik dengan membawa ancaman dari Allah. Peringkat ketiga pula diharuskan menggunakan kata-kata yang keras. Akhirnya barulah tindakan mengubah perkara munkar itu dilakukan dengan tangan tanpa melibatkan diri pelakunya kerana hukuman hanya boleh dijatuhkan oleh pemerintah.

Daripada pandangan al-Ghazālī, dapat disimpulkan bahawa beberapa pendekatan boleh diambil sebagai langkah memastikan objektif AMNM dapat dicapai. Al-Ghazālī menumpukan kepada dua cara utama iaitu melalui perantaraan lisan dan kekuatan fizikal. Penggunaan lisan dapat dilaksanakan melalui nasihat atau kritikan. Untuk perbincangan, penulisan ini akan menyentuh bentuk pelaksanaan AMNM yang bersangkutan dengan penggunaan lisan (nasihat).

Dalam bahasa Arab, al-Mazārī menyatakan nasihat diambil dari perkataan “*نَصِحتُ الْعَسْلَ إِذَا صَفَيْتَهُ*” ertiinya “aku menapis manisan untuk membersihkannya” dengan maksud orang yang memberi nasihat hendaklah menggunakan kata-kata yang sudah dipilih dan telah dihalusi serta ikhlas dari maksud yang tidak baik. Nasihat juga diambil dari perkataan “*الخِيَاطَةُ بِالنَّصِيحَةِ وَهِيَ الْأَعْبَرُ*” menjahit kain dengan gunakan jarum membawa erti bahwa orang yang memberi nasihat itu bermaksud untuk memberi kebaikan kepada orang yang dinasihati sebagaimana orang yang berkehendak untuk kebaikan kainnya dengan jalan menjahitnya bila koyak. Atau dengan makna taubat nasuha seumpama dosa merosakkan agama dan taubat pula memperbaikinya.⁵³

Dari istilah ini dapat disimpulkan bahawa nasihat mempunyai erti supaya orang yang dinasihati itu mendapat untung atau manfaat hasil dari nasihat yang diberikan kepadanya. Oleh demikian, nasihat perlu diberi dalam keadaan yang tulus, teguran yang baik dan peringatan yang manis. Ini akan menghasilkan suatu interaksi individu dengan individu yang lain melalui percakapan dengan tindakan yang murni. Lantaran itu, nasihat wajar menjadi suatu hak bersama antara pemerintah dan warganegara untuk kemajuan bersama. Gembelingan antara kedua belah pihak dalam melaksanakan hak ini boleh membantu melahirkan suasana makmur ke atas negara.⁵⁴

Di pihak kerajaan, memberi nasihat merupakan sebahagian daripada hak pemerintah yang perlu ditunaikan oleh rakyat. Ini boleh dilakukan melalui pendedahan kesilapan atau penyelewengan bertujuan untuk menghindari kemudaratannya umum. Oleh itu, rakyat perlu menyalurkan nasihat kepada pemimpin sama ada diminta atau tidak.⁵⁵ Ini kerana Syariat memberi ruang kepada manusia untuk mengajukan kritikan dan memantau kegiatan pemerintah melalui nasihat yang baik, kritikan membina dan akhirnya menolak untuk mematuhi pemerintah yang melanggar hukum.⁵⁶ Perkara ini dihubungkan dengan konsep umat mewakilkan

kuasa kepada pemerintah untuk melaksanakan hukum Syariat dan mentadbir urusan dunia. Oleh itu, mereka mempunyai hak untuk menilai atau menasihatinya.⁵⁷

Perkara ini turut disentuh dalam Perlembagaan Madinah melalui Fasal 37 yang menyebut maksudnya: “*Dan bahawa di antara mereka saling nasihat-menasihati dan berbuat baik, tidak melakukan dosa.*”

Fasal ini jelas memperuntukkan tanggungjawab warganegara Madinah untuk mengekalkan keamanan yang disalurkan melalui cara nasihat iaitu salah satu elemen kebebasan bersuara. Justeru, kebebasan bersuara boleh diklasifikasikan sebagai hak umum kepada setiap warganegara tanpa mengira agama dan kaum.

Konsep tersebut turut diterapkan dalam al-Qur'an terutamanya menyentuh tentang peranan kenabian. Al-Qur'an menegaskan misi yang dibawa oleh Nabi Nūh, Sālih, Hūd dan Syu'ayb ialah untuk memberi peringatan dan nasihat.⁵⁸ Mereka menanggung tugas memberi nasihat agar manusia melakukan kebaikan, memberi peringatan kepada yang ingkar serta menghindari diri dari perbuatan munkar. Ini memberi indikasi bahawa nasihat termasuk kategori kebebasan bersuara dalam hal politik.⁵⁹

Dari sumber Hadīth juga, nasihat turut disentuh hingga mencapai taraf *Mutawātir*.⁶⁰ Antaranya Rasulullah s.'a.w bersabda:⁶¹

Maksudnya: “*Diriwayatkan daripada Jarīr bin ‘Abd Allāh r. ‘a katanya: Aku membuat bai‘ah kepada Rasulullah s.’a.w untuk selalu mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat dan memberi nasihat baik terhadap setiap Muslim.*”

Dalam sebuah Hadīth lain, Rasulullah s.'a.w bersabda:⁶²

Maksudnya: “*Dari Abī Ruqayyah Tamīm bin Aus al-Dārī r. ‘a bahwasanya Nabi s.’a.w bersabda; Agama itu nasihat. Kami berkata: bagi siapa? Ia bersabda: bagi Allah dan KitabNya dan bagi RasulNya dan imam-imam dan bagi orangramai.*”

Hadīth dari Abī Ruqayyah menyentuh peranan nasihat dalam memperbaiki hala tuju kepimpinan. Ini kerana melalui nasihat terserah usaha untuk menolong dan menyokong mereka dalam perkara kebenaran dan keadilan serta patuh kepada mereka dalam urusan kebaikan. Bahkan menyentuh aspek kebaikan yang luas termasuk aspek keagamaan di samping berjihad mempertahankan negara bersamanya.⁶³ Ibn Hajar⁶⁴ menyatakan peranan yang paling besar boleh dimainkan oleh individu dalam masyarakat ialah menghindarkan pemimpin dari melakukan kezaliman dengan cara yang bijaksana.

Secara khususnya, jika pemerintah mendukung perkara munkar, rakyat boleh bertindak melakukan perubahan mengikut kemampuan. Muhamad Khair Haikal⁶⁵ menyatakan beberapa perkara perlu diberi perhatian sebelum tindakan bakal diambil antaranya tertib langkah yang perlu diambil serta pertimbangan ke atas kesan tindakan. Langkah untuk melakukan kritikan dengan kata-kata yang keras boleh diambil andainya pemerintah secara nyata mengambil model pentadbiran yang sangat bertentangan dengan Islam.

Ini selaras dengan sabda nabi:⁶⁶

Maksudnya: “*Sebaik-baik jihad ialah menyampaikan suatu kebenaran kepada pemerintah yang zalim.*”

Kepentingan nasihat dan kritikan ini amat diambil berat oleh Khulafa’ al-Rasyidin. Mereka mengharapkan rakyat melakukan teguran membina bertujuan memberi peringatan, agar mengembalikannya ke jalan yang benar. Ini bermakna fokus memperbaiki diri serta keadaan menjadi sasaran kritikan melalui pelbagai cara bagi menunjukkan sesuatu kesalahan, kekurangan, kelemahan, kemunkaran dan sebagainya.

Ucaputama Sayyidina Abū Bakr selepas menduduki jawatan khalifah membuktikan hal ini. Beliau memandang tinggi hak ini sebagai saluran komunikasi yang berkesan untuk bertindak membanteras penyelewengan. Ini boleh dilihat melalui ungkapannya: “...wahai kaumku, aku telah diberi kepercayaan untuk memerintah kalian, tetapi aku bukanlah yang terbaik di antara kalian. Bantulah aku jika aku benar, dan ingatkanlah aku jika aku salah”.⁶⁷

Begini juga sikap yang ditunjukkan oleh Sayyidina ‘Umar. Beliau pernah menegaskan dalam ucapannya meminta rakyat bangun menyatakan kebenaran. Ketika itu bangun seorang lelaki menyambut saranan beliau dengan menyatakan kesanggupannya. Tindakan lelaki tersebut mendapat perhatian Sayyidina ‘Umar dengan mempamerkan rasa syukur terhadap jaminan yang diberikan itu.⁶⁸

Bukti-bukti di atas membayangkan sikap pemerintah meminta masyarakat menjadi pengawas kepada tindakan kerajaan. Mereka diizinkan untuk membuat teguran bagi mengelakkan penyelewengan tercetus. Keizinan ini diiringi dengan kebebasan bersuara kerana tanpanya rakyat pasti tidak dapat meluahkan teguran dengan baik. Dengan itu, kritikan yang sihat wajar digerakkan di kalangan rakyat demi menegakkan amar makruf nahi munkar dengan menurut garis yang telah ditentukan oleh al-Qur'an. Kesimpulannya nasihat dan kritikan merupakan suatu keperluan khususnya bagi menghindari kepincangan berterusan dalam pentadbiran negara dan hidup masyarakat.

4. Kesimpulan

Indikasi dari dalil-dalil melalui al-Qur'an al-Hadith dan juga pengalaman-pengalaman Khulafa' al-Rasyidin sepetimana perbincangan di atas, menunjukkan bahawa hak kebebasan bersuara mempunyai asas yang cukup mantap. Ini kerana ia memainkan peranan penting khususnya bagi memastikan kebenaran dapat diserahkan. Justeru, objektif bagi menyampaikan kebenaran mempunyai nilai yang tinggi di dalam Islam.

Jika ditelusuri pemaparan hukum melalui perintah amar makruf nahi munkar, kelihatan manusia diarah menjalani kehidupan agar selaras dengan ketentuan Syarak. Neraca Syarak dijadikan sebagai kayu ukuran bagi menilai suatu kebenaran dan keadilan. Oleh itu, sebarang tindakan yang bertentangan dengan Syarak dianggap *ultra vires* dan tidak wajar diikuti. Bahkan rakyat wajar menyusun agenda bagi membentulkan keadaan ini mengikut kemampuan bagi menyahut perintah tersebut. Di sini terserlah kedudukan kebebasan bersuara yang mempunyai kedudukan tersendiri di dalam Syariat. Pengiktirafan Syariat terhadap hak ini menjadikan manusia tiada upaya untuk menafi atau menggantinya mengikut pertimbangan akal sendiri. Ini kerana percubaan untuk sebarang perlanggaran membawa implikasi tanggungjawab di hadapan Allah di Akhirat kelak.

Begini juga dengan prinsip syura. Ia memerlukan jaminan kebebasan bersuara agar prinsip ini terlaksana dengan baik. Ini kerana ia dianggap sebagai mekanisme yang efektif bagi membantu pemerintah menggubal dasar kerajaan. Sesuai dengan kaedah fiqh yang berbunyi: "مَا لَا يَتَمَّ بِهِ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ الْوَاجِبُ" menunjukkan bahawa untuk memberi kesan yang memuaskan kepada dasar kerajaan memerlukan penyertaan rakyat, maka penyertaan rakyat itu perlu dijamin. Oleh kerana penyertaan rakyat memerlukan saluran dan kebebasan bersuara, maka unsur-unsur ke arah itu perlu dilindungi. Bagi menyempurnakan kebebasan tersebut, beberapa hak perlu diberi kepada rakyat seperti kebebasan untuk menubuhkan persatuan, kebebasan menyuarakan pendiriannya dan hak untuk memperolehi maklumat. Hubungan erat antara kebebasan bersuara dengan hak menubuhkan persatuan dan memperolehi maklumat serta menyampaikannya adalah sebahagian dari alat penyempurnaan kebebasan itu sendiri. Tambahan pula, syura itu sendiri merupakan suatu ketentuan Syarak terhadap pemerintah yang wajib dilaksanakan. Oleh itu, didapati kerajaan awal Islam mengamalkan kerajaan yang terbuka bagi membolehkan rakyat memerhati ketulusan dan mengetahui perjalanan kerajaan.

Gambaran di atas menunjukkan bahawa Islam mengambil berat tentang penyertaan rakyat dalam pemerintahan bagi membangunkan negara sesuai dengan matlamat falsafahnya. Perkara ini turut berkait dengan hak kebebasan bersuara. Ini selaras dengan kedudukan kebebasan bersuara yang mempunyai asas hukum yang

kukuh dalam Islam. Yang jelas kerajaan tiada hak untuk menafikan kebebasan ini kerana ia adalah kurniaan Allah. Hikmah di sebalik pensyariatannya untuk membawa sesuatu perubahan positif melalui kecelikan masyarakat bagi menggerakkan perubahan tersebut. Lantaran itu, adalah menjadi kewajipan masyarakat muslim khasnya untuk berfikir menyoroti persekitarannya. Kritikan membina dan nasihat yang bernas mampu untuk melahirkan pertumbuhan yang sihat dan menimbulkan kesedaran masyarakat. Begitu juga pemimpin, menurut moralnya mempunyai kewajipan untuk mengemukakan gagasan-gagasan baru untuk kemajuan masyarakat dan negara. Jadi, alasan ini menjadikan kebebasan bersuara sama ada melalui perantaraan lisan atau tulisan adalah sebahagian hak asasi di dalam negara Islam.

Sekatan dan batasan hanya dilaksanakan dalam skop yang kecil meliputi perkara yang negatif seperti menyebarkan hasutan, fitnah atau mendorong melakukan perlanggaran undang-undang. Ini kerana perkara yang negatif pada asalnya haram. Larangan tersebut hanyalah untuk mengelakkan timbul perkara buruk seperti rasa permusuhan. Oleh demikian, larangan demikian tidak boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada hak, kerana keburukan boleh merosakkan.

Nota Hujung

1. Abu A'ala Mawdudi, *Islamic Law and Constitution*. Terj. Khurshid Ahmad, Karachi: Islamic Publications Ltd. 1969, hal. 133-134.
2. Al-Sibā'i, Mustafa, *Ishtirākiyyah al-Islām*. Damsyik: Dār al-Qawmiyyah li al-Tabā'ah wa al-Nashr, 1960, hal. 54-55.
3. Abū Zahrah Muhammād, *Tanzi al-Islām li al-Mujtama'*. Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabi 1975 hal. 186.
4. El-Awa, Muhammed Salem, *On The Political System of The Islamic State*. Indiana: American Trust Publications, 1978, hal. 102-105.
5. Contohnya surah al-Hajj 22:18 berkaitan kebebasan memilih yang diberi kepada manusia tiada diberikan kepada makhluk lain. Contoh lain kewujudan golongan yang menentang ajaran para rasul kerana mempertahankan pendapat mereka. (al-Qur'an al-'A'rāf, 7:71) lebih lanjut lihat tulisan el-Awa 1978, hal. 102-105.
6. Al-Zarqā', Muṣṭafā Ḥamad, *al-Madkhāl al-Fiqhi al-'Ām*. Damsyik: Dār al-Fikr, 1967, hal. 30-31.
7. Al-Najjār, 'Abd al-Majīd, *Dawr Ḥurriyyah al-Ra'y fi al-Wahdah al-Fikriyyah Baina al-Muslimin*. Amerika Syarikat: al-Ma'had al-'Alami li Fikr al-Islami, 1996, hal. 46.
8. *Ibid.*, hal. 45.
9. Al-Muḥāmī, Ahmad Jalāl Ḥamid, *Ḥurriyyah al-Ra'y fi al-Maydān al-Siyāsi*. Kaherah: Dār al-Wafa li al-Tibā'ah wa al-Nashr, 1987, hal. 194-195.
10. Lihat dalam bukunya *Freedom of Expression in Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. 1994.
11. *Hisbah* sinonim dengan prinsip amar makruf nahi munkar. Perbincangan lanjut akan disentuh melalui perbahasan amar makruf nahi munkar.
12. *Nasiḥah* merupakan satu bentuk teguran yang dilakukan dengan baik melalui cara rahsia dan sopan. Oleh itu ia turut membabitkan kebebasan bersuara lihat Hashim Kamali, 1994, hal. 36.
13. Asad, Muhammad, *The Principles of State and Government in Islam*, Gibraltar: Dār al-Andalus, 1985, hal. 43-44.
14. Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīz*. Kaherah: 'Isā al-Bābī al-Halabī, t.th, cet. 1, hal. 419-421.
15. Ibn Taymiyyah, Taqī al-Dīn, *Al-Siyāsah al-Shari'iyyah fī Islāh al-Ra'y wa al-Ra'iyyah*, Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnāni, 1992, hal. 112.
16. Golongan Anṣār telah melakukan perbincangan untuk mengutuskan 12 orang *nāqib* bagi menemui Nabi sebelum berlakunya penghijrahan ke Madinah. Lihat dalam Al-Qurtubi, *al-Jam'i li Ahkām al-Qur'an*. Kaherah: Kātib al-'Arabi li Tabā'ah wa al-Nasr, 1967, jil. 11, hal. 36.
17. Hashim Kamali. *op.cit.*, hal. 42.
18. Syed Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'an*, Beirut: Dār al-Shuruq, 1995, jil. 2, hal. 92.

19. Al-Qurtubī, *op.cit.*, jil. 4, hal. 249-251.
20. Al-Qāsimī, *Nizām al-Hukm fī al-Shari‘ah wa al-Tārikh* Beirut: Dār al-Nafā‘is, 1974, hal. 67-69.
21. Contohnya dalam perang Uhud. Rasulullah meminta pandangan para Sahabat untuk menentukan tempat berperang menentang Musyrikin, sama ada perlu bertahan di kota Madinah sahaja atau keluar dari Madinah. Akhirnya Baginda menyetujui pandangan Sahabat untuk keluar dari Madinah.
22. Contohnya dalam perang Khandaq, Rasulullah mahu berbaik-baik dengan Bānī Ghassān dengan memberi sebahagian dari hasil tanaman Madinah. Rasulullah berbuat demikian kerana tidak mahu mereka menyerang umat Islam. Namun rancangan Baginda ini dibantah oleh Sahabat seperti Sa‘d bin ‘Ubādah dan Sa‘d bin Mu‘adh. Cadangan balas daripada Sahabat tersebut diterima oleh Baginda.
23. Dalam hal ini beberapa orang tokoh ulama menyempitkan skop syura kepada bidang ketenteraan sahaja seperti al-Kalbi. Alasan mereka berdasarkan kepada huruf *lam* pada lafaz *al-amr* tidak bersifat meliputi semua . Ada juga yang melihat kepada sebab khusus penurunannya.
24. Lihat al-Mutawalli, *Mabādī’ al-Nizām al-Hukmī fī al-Islām ma’ al-Muqāranah bi al-Mabādī’ al-Dustūriyyah al-Hadithiyah*, hal. 254 menyatakan bahawa skop Syura tidak dibataskan kepada hal-hal tertentu sahaja, sebaliknya meliputi pelbagai perkara. Ketiadaan batasan ini merupakan suatu ciri unggul Syariat yang mampu menangani perubahan masa dan tempat.
25. Al-Mawārdī, *Kitāb al-Aḥkām al-Sultāniyyah*. Beirut: Dār al-Fikr, t.th, hal. 5. Al-Mawārdī meletakkan 10 perkara yang menjadi tanggung jawab pemerintah merangkumi pemeliharaan perkara asas dalam agama, mewujudkan institusi kehakiman, merealisasikan undang-undang jenayah, persiapan keselamatan negara dan pengurusan pertadbiran. Lihat hal. 15-16.
26. Al-Mawārdī, *ibid.*, hal. 17.
27. Pandangan ini diutarakan oleh Daruzah berasaskan kepada hubungan ayat al-Qur’ān surah al-Anfāl, 8: 24 dan al-Mumtahanah, 60: 12.
28. Darūzah, jil. 1, hal. 86-87.
29. Al-Bahī, Muhammād, *al-Dīn wa al-Dawlah min tawjīh al-Qur’ān al-Karīm* Beirut: Dār al-Fikr, 1971, hal. 545-546.
30. Al-Qaradāwī, *Min Fiqh al-Dawlah fī al-Islām* Kaherah: Dār al-Shuruq, 1997, hal. 34.
31. Fathi ‘Abd al-Karīm, *al-Dawlah wa al-Siyādah fī al-Fiqh al-Islāmī; Dirāsah Muqāranah*. Maktabah Wahbah, 1984, hal. 375-378.
32. Sa‘di *op.cit.* hal. 305
33. Al-Mawārdī *op.cit.* hal.17, meletakkan dua asas bagi mempertimbangkan pertukaran ketua negara iaitu ketidakadilan dan kecacatan anggota. Asas ini menjadikan ketua negara tidak lagi mampu untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

34. Muslim, *Sahīh*. (k) al-Imārah: 33(b)8, Hadith no:1839. Al-Nawāwī (1994: 12: 430) menyatakan hadith ini juga dikeluarkan oleh al-Turmidhi Hadith no: 1707, Ibn. Majah Hadith no: 2864.
35. Muslim, *Sahīh*. (k) al-Imārah 33(b)8, Hadith no: 1835.
36. Turut diriwayatkan oleh al-Bukhārī hadith no: 4340, 7145, 7257 dan Abū Dāwud hadith no: 2625. (al-Nawāwī: 1994: 12:431)
37. Dalam hal ini, pihak Quraisy tidak menunjukkan diplomasi yang tinggi hingga sanggup menahan Sayyidina ‘Uthmān. Tindakan mereka menghasilkan reaksi keras di kalangan orang Islam hingga mereka membuat janji taat setia dikenali dengan nama Bai‘ah Ridwān. Lihat *Sīrah Ibn Hishām* jilid 3: 344-345.
38. Ibn Hishām, *ibid.*, jil. 3, hal. 344.
39. Antara butiran perjanjian ialah: i) genjatan senjata selama 10 tahun. ii) Orang yang datang kepada Nabi daripada kalangan Quraisy tanpa izin penjaganya dipulangkan kepada keluarganya. iii) Orang yang datang kepada Quraisy dari kalangan pengikut nabi tidak perlu dikembalikan.
40. Ibn Hisham, jil. 3, hal. 345-346.
41. Al-Ghazālī, t.t. *Ihya’ ‘Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah jil. 2, hal. 306.
42. Al-Shawkānī, *Nayl al-Awtār Sharh Muntaqā al-Akhbār*, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābī al-Halabi, t.th, jil. 1, hal. 369.
43. Muhammad Maḥmūd, *Usūl al-Mujtama’ al-Islāmī*, Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī, 1992, hal. 195.
44. Perkara ini boleh disimpulkan melalui ayat-ayat seperti 3:104, 9:67, 5: 78 & 79, 22: 38-41, 3:110, Al-‘Imran 3: 110, al-Tawbah 9: 112. Lihat Daruzah dalam *Dustur Qurānī* jil. 2, hal. 4-6.
45. Al-Jassas, *Kitāb Ahkām al-Qur’ān*, Mesir: Matba‘ah al-Awqat al-Islāmiyyah, 1915, jil. 2, hal. 29.
46. Ibn Kathir, *op.cit.*, jld. 1, hal. 390.
47. al-Ghazālī, *op.cit.*, 2: 306-307. Lihat juga al-Qurtubi, *op.cit.*, jil: 8, hal. 203.
48. al-Qurtubi, *op.cit.*, jil. 12, hal. 72-73.
49. al-Ghazālī, *op.cit.*, jil. 2, hal. 315.
50. Ibn Hajar Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarh Sahīh al-Bukhārī*, al-Riyad: Maktabah Dār al-Safām, 1997, jil. 1, hal. 182.
51. Sa‘dī, *op.cit.*, hal. 329.
52. ‘Arif Khalil, Abū ‘Aid, *Nizām al-Hukm fi al-Islām*. Jordan: Dār al-Nafā’is, 1996, hal. 141.
53. Hashim Kamali, *op.cit.*, hal. 50.
54. ‘Arif Khalil, *op.cit.*, hal. 153-154.
55. Lihat ayat seperti dalam surah al-A‘rāf: 61-63, 67-69, 79, 93.

56. al-Muhamī, *op.cit.*, hal. 207.
57. Sa'dī, Abū Jayb, *Dirāsah fī Minhaj al-Islām al-Siyāsi*. Beirut: Mu'assah al-Risalah, 1985, hal. 331.
58. Muslim, *Sahīh*, (k)1, (b) 23 Hadith, no: 97. Al-Nawawī, *Al-Minhāj Syarḥ Sahīh Muslim*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1994, jil. 2, hal. 228 menerangkan Hadith ini juga dikeluarkan oleh Bukhari dalam beberapa tempat iaitu Hadith-hadith no: 57, 501, 1336, 2049, 2566. Al-Turmidhi juga mengeluarkan hadith ini dan dianggapnya *Sahīh* dalam kitab *al-Birr wa al-Salāh* hadith no: 1925.
59. Muslim, *Sahīh*, (k)1 al-Iman,(b)23 Hadith no: 95. Al-Nawawī jil. 2, hal. 225, menyatakan Hadith ini juga dikeluarkan oleh Abū Dāwūd (hadith 4944) Nasa'i (Hadith 4208 dan 4209)
60. Al-San'ānī, Muhammad ibn Ismā'il, *Subul al-Salām: Syarḥ Bulūgh al-Marām*. Beirut: Dār al-Marifah, 1997, jil. 4, hal. 318.
61. Ibn Hajar Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarḥ Sahīh al-Bukhārī*. Al-Riyad: Māktabah Dār al-Salām, 1997, jil. 1, hal. 182.
62. Muhammad Khair Haikal, *al-Jihād wa al-Qitāl fī al-Siyāsah al-Shar'iyyah*. Beirut: Dār al-Bayariq, 1997, hal. 96-97.
63. Hadith ini dinyatakan oleh Rasulullah apabila ditanya oleh seorang lelaki di al-Jamrah al-'Ulā mengenai sebaik-baik Jihad. Selepas diulang tanya Baginda pun menyebutkan matan tersebut. Taraf Hadith ini menurut riwayat al-Naṣā'i mempunyai *Isnād Sahīh*. Al-Mundhiri pula menyatakan matan (*teks Hadith*) *Sahih*. Tetapi 'Athiah al-'Aufi dalam *Kashaf* mendaifikannya. (Hamzah al-Husaini, Ibrāhīm Muhammad bin Kamāl al-Dīn, *al-Bayān wa al-Ta'rīf fī Asbab Wurūd al-Hadīth al-Syarīf*. Beirut: al-Maktab al-'Ilmiyyah, 1980 jil. 1, hal. 273-274).
64. Lihat dalam Ibn Hishām, *Sirāh al-Nabawiyah*, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1994, jil. 4, hal. 318.
65. Mutawalli, 'Abd al-Hamid, *Mabādī Nizām al-Hukmī fī al-Islām ma' al-Muqāranah bi al-Mabādī al-Dustūriyyah al-Hadīthiyyah*. Cetak ulang. Iskandariah: al-Nasyr al-Ma'arif, 1974, hal. 285.